

**TEKS UCAPAN**  
**LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN, REKTOR**  
**KUKUM, DI FESTIVAL NASYID IPT PERINGKAT KEBANGSAAN**  
**EDISI KE-3**

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Mengadap Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Tuanku Canselor KUKUM dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis.

Ampun Tuanku, sembah patik mohon diampun,

Bukan lebah sebarang lebah,  
lebah bersarang di pohon kayu,  
bukan sembah sebarang sembah,  
sembah adat pusaka Melayu.

Terlebih dahulu, patik bagi seluruh warga Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia dan hadirin tetamu ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, di atas perkenan duli Tuanku berdua bercemar duli berangkat ke Festival Nasyyid Kemerdekaan IPTA Peringkat Kebangsaan Edisi Ke-3.

Sesungguhnya keberangkatan duli Tuanku berdua ke majlis ini begitu besar erti dan maknanya kepada kami semua warga KUKUM kerana bukanlah mudah bagi seorang Canselor untuk hadir memberi sokongan dalam setiap aktiviti yang dianjurkan oleh universiti yang menjadi naungannya.

Ampun tuanku,

Izinkan patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir.

Yang Berhormat En. Khairi Hassan, Exco Kerajaan Negeri Perlis, Wakil YAB Menteri Besar Perlis.

Ahli- Ahli Yang Berhormat dan isteri, Dif-dif Kehormat

Yang Berusaha En. Mohd Zein Bin Mohd Sahid, Wakil Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Keseniaan Negara

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff, Timbalan Rektor KUKUM (Akademik Dan Pengantarabangsaan)

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal Timbalan Rektor KUKUM (Penyelidikan Dan Inovasi)

Pegawai-Pegawai Utama KUKUM, Dekan-Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan KUKUM

Para delegasi dan peserta Festival Nasyid Kemerdekaan IPT Peringkat Kebangsaan Edisi Ke-3

Wakil-wakil media yang dihormati dan warga KUKUM yang dihormati sekalian.

Bersyukur ke hadrat Allah Subbhanahu Wa Taala kerana dengan limpah kurnia, kasih dan sayang serta rezeki yang dikurniakan oleh Yang Maha Esa buat kita semua hambaNya di bumi indera kayangan ini terus melimpah ruah dan tidak pernah bernoktah sudah. Berkat keizinan Ar-Rahman dan Ar-Rahim itu jugalah melangsungkan kita semua untuk berkumpul bersama-sama pada malam yang bersejarah ini di dalam Festival Nasyid Kemerdekaan IPTA Peringkat Kebangsaan Edisi Ke-3.

Terlebih dahulu, saya mewakili warga KUKUM ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tanda terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat En. Khairi Hassan, wakil YAB Menteri Besar Perlis, dif-dif kehormat, para tetamu jemputan kerana telah sudi melapangkan diri, meluangkan sedikit masa untuk hadir dan memeriahkan majlis yang cukup bermakna ini. Sesungguhnya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan

semua sudah pasti menguntum bahagia, menambah seri majlis kami pada malam ini.

Saya juga ingin mengalu-alukan kedatangan para delegasi dan peserta festival nasyid yang mewakili pelbagai Institut Pengajian Tinggi Awam dari seluruh negara ke Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia khususnya dan negeri Perlis Indera Kayangan yang permai lagi mempersona.

Ucapan syabas dan tahniah juga diucapkan kepada seluruh ahli jawatankuasa program pada malam ini kerana telah memberikan komitmen yang tinggi dan padu dalam menyatu idea, menyempurna kerja, menzahir upacara dalam memastikan program ini terlaksana dengan penuh tertib, adab dan jayanya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Dengan bertemakan "Pemangkin Keperibadian Ummah", Festival Nasyid edisi ke-3 ini disertai oleh 11 buah IPTA termasuk KUKUM sebagai tuan rumah. Dan pada malam ini hanya 5 buah IPTA sahaja yang layak ke peringkat akhir. Kepada peserta yang tidak berjaya ke peringkat akhir, secara ikhlas ingin saya katakan anda semua adalah pemenang di hati saya kerana penyertaan anda di dalam pertandingan ini sudah cukup bermakna kerana ia membuktikan anda punya keyakinan untuk menonjolkan diri di khalayak ramai.

Saya juga ingin mengucapkan selamat bertanding kepada para peserta yang mengambil bahagian di dalam pertandingan ini. Kalah atau menang adalah adat pertandingan. Festival nasyid ini bukan bertujuan mahu mencari siapa yang lebih hebat di antara kita. Apa penting kita mahu memartabat dan mengangkat irama nasyid kontemporari yang sarat dengan mesej positif yang terkandung dalam irama tersebut hingga mampu menjadi budaya popular di kalangan kita warga Malaysia.

Saya berharap para peserta yang mengambil bahagian di dalam festival nasyid ini menetapkan niat yang ikhlas dan suci iaitu mahu memperkembangkan dan meninggikan syiar Islam melalui lagu-lagu yang

bermesej bukan kerana unsur-unsur lain seperti glamor, masyhur, kemegahan dan sebagainya.

Sebelum saya mengakhiri ucapan pada malam ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat En. Khairi Hassan, wakil YAB Menteri Besar Perlis serta dif-dif kehormat yang lain kerana telah sudi hadir dan memeriahkan program KUKUM pada malam ini.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada para peserta Festival Nasyid Kemerdekaan IPT Peringkat Kebangsaan Edisi ke-3 ini kerana telah sudi mengambil bahagian dan memberi sokongan dalam menjayakan festival ini. Semoga perjalanan pulang para delegasi ke destinasi masing-masing dilindungi oleh Allah SWT, pandulah dengan berhati-hati.

Ampun tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata, patik sekali lagi mewakili seluruh warga KUKUM dan hadirin tetamu yang hadir ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga sekali lagi kepada ke bawah duli Tuanku berdua kerana telah sudi bercemar duli berangkat ke Festival Nasyid Kemerdekaan IPTA Peringkat Kebangsaan edisi ke-3.

Patik sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.